



KETUA Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof.

## Kerajaan negeri laksana projek keusahawanan sosial



Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my (mailto:bhnews@bh.com.my)

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/648683/kerajaan-negeri-laksana-projek-keusahawanan-sosial>)

(<https://twitter.com/bhnews/status/1214567890>)  
ref\_src=twsrc%5Etfw&text=Kerajaan%20negeri%20laksana%20projek%20keusahawanan%20sosial&tw\_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/648683/kerajaan-negeri-laksana-projek-keusahawanan-sosial

SHAH ALAM: Empat lokasi iaitu Kuala Selangor, Shah Alam dan Bukit Antarabangsa di Selangor serta Kampong Speu di Kemboja dipilih sebagai kawasan rintis untuk projek keusahawanan sosial bagi pengurangan risiko bencana yang akan dijalankan bermula tahun ini.

Ketua Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof, berkata projek berkenaan bertujuan untuk memupuk daya tahan masyarakat dalam jangka panjang terhadap bencana, berkaitan perubahan iklim di Malaysia dan Kemboja.

"Ini (daya tahan) boleh dicapai dengan memperkasakan usahawan sosial untuk membangunkan Pelan Daya Tahan Bencana (DRR) menerusi penggunaan sistem maklumat geografi (GIS) serta teknologi sumber orang ramai.

"Projek ini akan membabitkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan keupayaan dalam tempoh tiga tahun terhadap bahaya muncul cepat banjir kilat, tanah runtuh serta bahaya muncul lambat seperti kenaikan paras air laut dan kemasinan air bawah tanah," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian bengkel memupuk keusahawanan sosial dalam pengurangan risiko bencana untuk membangunkan komuniti berdaya tahan di sini, hari ini.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia, Julia Bentley dan Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim.

Ahmad Fairuz berkata, projek berkenaan turut memperoleh dana sebanyak RM1.5 juta daripada International Development Research Centre (IDRC) iaitu sebuah agensi kerajaan Kanada.

Katanya, Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara di Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI-UKM) akan menjalankan projek dengan kerjasama Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Pertubuhan Perkhidmatan Pengurangan Risiko Bencana Malaysia (MDRRSO) dan Royal University of Phnom Penh di Kemboja.

“Jawatankuasa Pemandu akan diketua oleh UPBN dan turut disertai Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) Malaysia; Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan ASM.

“Untuk kualiti penyelidikan, dipantau oleh Jawatankuasa Sains yang terdiri daripada pakar antarabangsa dari Kanada, United Kingdom dan Jepun,” katanya.

Beliau berkata, DRR dijangka dapat membantu kerajaan negeri serta wilayah Kampung Speu membangunkan strategi pengurangan risiko bencana tempatan yang akan memberi manfaat kepada 5.79 juta orang (Selangor, Malaysia) dan 716,517 (Kemboja).



(<https://www.bharian.com.my/umum-kabinet/bh/index.html>)

## Berita Berkaitan

(/berita/nasional/2018/07/444993/malaysia-perkasa-inisiatif-drr)

**Malaysia perkasa inisiatif DRR** (/berita/nasional/2018/07/444993/malaysia-perkasa-inisiatif-drr)

(/berita/nasional/2019/05/564757/tpm-kongsi-inisiatif-malaysia-tangani-bencana)

**TPM kongsi inisiatif Malaysia tangani bencana**  
(/berita/nasional/2019/05/564757/tpm-kongsi-inisiatif-malaysia-tangani-bencana)

(/berita/nasional/2018/07/445389/tubuh-majlis-bencana-kp-nadma)

**Tubuh majlis bencana - KP NADMA** (/berita/nasional/2018/07/445389/tubuh-majlis-bencana-kp-nadma)

(/berita/nasional/2018/07/445111/3-sdg-relevan-dengan-malaysia)

**3 SDG relevan dengan Malaysia** (/berita/nasional/2018/07/445111/3-sdg-relevan-dengan-malaysia)

(/berita/nasional/2019/05/564407/malaysia-perkasa-peranan-wanita-dalam-pengurusan-risiko-bencana-tpm)

**Malaysia perkasa peranan wanita dalam pengurusan risiko bencana - TPM**  
(/berita/nasional/2019/05/564407/malaysia-perkasa-peranan-wanita-dalam-pengurusan-risiko-bencana-tpm)

(/berita/nasional/2019/05/563672/tpm-ketuai-delegasi-malaysia-ke-gpdr-d-geneva)

**TPM ketua delegasi Malaysia ke GPDRR di Geneva**  
(/berita/nasional/2019/05/563672/tpm-ketuai-delegasi-malaysia-ke-gpdr-d-geneva)

(/berita/nasional/2019/02/528642/agensi-pengurusan-bencana-diarah-tumpu-perkasa-komuniti)

**Agensi pengurusan bencana diarah tumpu perkasa komuniti**  
(/berita/nasional/2019/02/528642/agensi-pengurusan-bencana-diarah-tumpu-perkasa-komuniti)  
(/berita/wilayah/2017/11/345177/selangor-berjaga-jaga-hadapi-air-laut-pasang-besar)

**Selangor berjaga-jaga hadapi air laut pasang besar**  
(/berita/wilayah/2017/11/345177/selangor-berjaga-jaga-hadapi-air-laut-pasang-besar)



(<https://www.bharian.com.my/umum-kabinet/bh/index.html>)

## Disyorkan

## Popular



Berpakaian seksi bukan nak 'umpan' lelaki - Elizabeth Tan

(/hiburan/selebri/2020/03/663751/berpakaian-seksi-bukan-nak-umpan-lelaki-elizabeth-tan)



Malaysia Airlines, AirAsia potong gaji tangani kesan COVID-19

(/bisnes/lain-lain/2020/03/663966/malaysia-airlines-airasia-potong-gaji-tangani-kesan-covid-19)



PH pilih Anwar sebagai PM jika kembali berkuasa

(/berita/nasional/2020/03/663968/ph-pilih-anwar-sebagai-pm-jika-kembali-berkuasa)



Tiong King Sing tolak jawatan Timbalan Menteri?

(/berita/nasional/2020/03/663991/tiong-king-sing-tolak-jawatan-timbalan-menteri)



KJ hadir taklimat pertama

(/berita/nasional/2020/03/664058/kj-hadiri-taklimat-pertama)



Khairy tekad bawa MOSTI pacu kemajuan negara

(/berita/nasional/2020/03/664079/khairy-tekad-bawa-mosti-pacu-kemajuan-negara)



Di mana Safawi?

(/sukan/bola/2020/03/664082/di-mana-safawi)



Iklan tawaran JPJ palsu

(/berita/kes/2020/03/664087/iklan-tawaran-jpj-palsu)



KWSP di Jalan Raja Laut ditutup sehingga Jumaat

(/berita/nasional/2020/03/664106/kwsp-di-jalan-raja-laut-ditutup-sehingga-jumaat)



[BERITA \(/BERITA\)](#)

> [BHPLUS \(/bhplus\)](#)

> [Nasional \(/berita/nasional\)](#)

> [Kes \(/berita/kes\)](#)

> [Politik \(/berita/politik\)](#)

> [Pendidikan \(/berita/pendidikan\)](#)

> [Wilayah \(/berita/wilayah\)](#)

[MULTIMEDIA](#)

[FOTO \(/FOTO\)](#)

[BHTV \(/BHTV\)](#)

[LANGGAN](#)

[AKHBAR DIGITAL \(HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/BH/\)](http://digital.nstp.com.my/bh/)

[AKHBAR BH](http://digital.nstp.com.my/nst/includes/shop/list_products.jsp?testata=berberita&id=berberita)

([HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST\\_PRODUCTS.JSP?TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA](http://digital.nstp.com.my/nst/includes/shop/list_products.jsp?testata=berberita&id=berberita))

[SUKAN \(/SUKAN\)](#)

[DUNIA \(/DUNIA\)](#)

[HIBURAN \(/HIBURAN\)](#)

[BISNES \(/BISNES\)](#)

[RENCANA \(/RENCANA\)](#)

[WANITA \(/WANITA\)](#)

[HUJUNG MINGGU \(/HUJUNG-MINGGU\)](#)

[PERKHIDMATAN](#)

[IKLAN WEB \(/NODE/466\)](#)

[1KLASSIFIEDS \(HTTP://WWW.1K.COM.MY\)](http://www.1k.com.my)

[NSTP KLIK \(HTTPS://WWW.KLIK.COM.MY/\)](https://www.klik.com.my/)

[REDAKSI \(/NODE/468\)](#)

[DISCLAIMER \(/NODE/1453\)](#)

[NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI \(/NODE/1462\)](#)